

## **Teks Ucapan**

**YBHG. PROF. DR. D KAMARUDIN D MUDIN  
NAIB CANSELOR  
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH**

**Sempena Majlis Pelancaran Sambutan Bulan KreaNova  
Tahun 2017**

**6 Oktober 2017 (Jumaat) | 09:00 pagi,  
Galeri Majlis, Bangunan Canselor UMS**

*Bismillahirrahmanirrahim  
Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh,  
Salam Sejahtera dan Salam Negaraku Malaysia*

## **SALUTASI**

Terima kasih saudara/saudari Pengacara Majlis

Yang Berusaha Encik No'man Haji Ahmad,  
Pendaftar Universiti Malaysia Sabah, merangkap  
Penasihat Program Sambutan Bulan KreaNova  
UMS Tahun 2016

Dekan-Dekan, Pengarah-pengarah dan Ketua-  
Ketua Jabatan, para kakitangan serta tuan-tuan  
dan puan-puan yang dihormati sekalian,

1. Alhamdulillah, bersyukur kita ke hadrat Allah SWT kerana dengan limpah kurnia dan inayah-Nya, Majlis Pelancaran Sambutan Bulan KreaNova kali Kedua pada tahun ini dapat kita laksanakan. Saya bagi pihak Yang Berbahagia Naib Canselor, menyampaikan salam beliau kepada kita semua yang hadir dalam majlis ini dan memohon maaf kerana tidak dapat hadir atas komitmen tugas rasmi lain yang perlu beliau laksanakan.

2. Untuk itu, beliau telah mewakilkan saya untuk menyampaikan ucapan dan seterusnya merasmikan majlis pada pagi ini. Berikut adalah teks ucapan beliau:

***Tuan-tuan dan puan-puan sekalian,***

3. Bagi pihak Pengurusan universiti, sukacita saya mengucapkan syabas dan tahniah kepada Jabatan Pendaftar, atas usaha dan komitmen bersama-sama Ahli Jawatankuasa Pelaksana yang terlibat bagi memastikan kesinambungan penganjuran program ini.

4. Seperti yang disampaikan oleh Pendaftar sebentar tadi, program ini merupakan suatu proses *rebranding* (penjenamaan semula) dan *reengineering* (perekayasaan) kepada Konvensyen Kumpulan Inovatif dan Kreatif atau KIK dan Kumpulan Penggerak Inovasi atau KPI yang telah dilaksanakan sebelum ini.

5. Program ini merupakan satu lagi usaha berterusan universiti untuk terus maju ke hadapan ke arah meningkatkan lagi sistem penyampaian dan perkhidmatan universiti, sejajar dengan Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (Pendidikan Tinggi) atau PPPM-PT 2015-2025 bagi Lonjakan 6 iaitu Pemantapan Tadbir Urus dan Lonjakan 7 iaitu Ekosistem Inovasi, serta Pelan Strategik UMS melalui ‘Key Result Area’ (KRA) UMS ke-4 iaitu,

## Memperkuatkan Tadbir Urus, Kepimpinan dan Sistem Penyampaian Universiti.

6. Kita semua telah sedia maklum, program sebegini merupakan satu platform untuk memberi ruang dan peluang kepada kakitangan dalam membantu organisasi memilih, mengenal pasti dan menganalisis masalah yang berkaitan dengan kerja, melalui kreativiti dan inovasi dalam kalangan kakitangan sekalian.

Di samping itu, ia dapat memupuk hubungan yang baik dan dapat membudayakan semangat berpasukan dalam kalangan setiap warga.

***Tuan-tuan dan puan-puan sekalian,***

7. Selain itu, saya melihat program ini juga mampu memupuk budaya penambahbaikan yang berterusan seperti yang sinonim dan diamalkan oleh masyarakat Jepun, dikenali sebagai *Kaizen*.

8. Melalui strategi ini, penambahbaikan yang berterusan perlu dilaksanakan dan melibatkan semua ahli dalam organisasi secara kerja berpasukan. Strategi ini jika dapat dilaksanakan secara berterusan atau istiqamah, ternyata mampu memberi kepuasan kepada pekerja dan seterusnya memberi manfaat kepada tadbir urus dan seterusnya kemajuan organisasi berkenaan.

9. Oleh yang demikian, adalah wajar bagi para kakitangan untuk terus memupuk dan menghayati usaha-usaha pembudayaan inovasi dan kreativiti ini secara berterusan. Yang jelas, amalan dan pembudayaan yang ingin ditonjolkan adalah selaras dengan matlamat program transformasi negara dalam melaksanakan perubahan dan membina momentum dalam menyampaikan perkhidmatan kepada pelanggan.

10. Selain itu, program ini wajar dilaksanakan bagi menerapkan konsep *knowledge base* dan *creativity driven* bagi membolehkan kita mampu menghasilkan inovasi yang memberi nilai tambah kepada mutu perkhidmatan yang berkualiti. Secara tidak langsung, ia dapat mewujudkan semangat berpasukan dan memupuk nilai dan etika kerja yang positif.

11. Justeru, dengan menggalakkan penubuhan Kumpulan Inovatif dan Kreatif, Pengurusan *Lean*, EKSA dan terbaharu iaitu DIY (Do It Yourself) para kakitangan boleh menyampaikan cadangan penyelesaian terhadap sesuatu masalah kepada pengurusan UMS, di samping dapat melaksanakan *good governance* bagi memastikan prestasi kecemerlangan universiti sentiasa di tahap yang terbaik.

***Tuan-tuan dan puan-puan sekalian,***

12. Sebelum mengakhiri ucapan, saya ucapkan syabas dan tahniah kepada semua pihak yang terlibat khususnya Jabatan Pendaftar dan Ahli Jawatankuasa Pelaksana program ini. Terima kasih juga diucapkan kepada para tetamu jemputan luar dan semua Ketua JFPIU yang turut hadir sebagai tanda sokongan kepada program ini.

13. Semoga program ini mencapai objektif demi kebaikan dan manfaat kita semua.

14. Maka dengan itu, saya dengan lafaz kalimah suci, **Bismillahirrahmanirrahim** dengan ini merasmikan **Majlis Pelancaran Sambutan Bulan KreaNova Tahun 2017.**

*Sekian, Wabillahi taufiq wal hidayah,  
wassalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.*